



**SOALAN LAZIM BERKAITAN URUSAN PERCUKAIAN DALAM TEMP OH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
BERSYARAT (18 MAC 2020 HINGGA 12 MEI 2020)**

(Dikemas kini pada 10 Jun 2020)

A. UMUM

Bil.	Soalan	Maklum Balas									
1.	Bilakah tempoh soalan lazim ini terpakai?	<p>Soalan lazim ini terpakai dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Perkara</th> <th>Tempoh</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>a)</td> <td>Perintah Kawalan Pergerakan</td> <td>18 Mac 2020 hingga 3 Mei 2020</td> </tr> <tr> <td>b)</td> <td>Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat</td> <td>4 Mei 2020 hingga 12 Mei 2020</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Perkara	Tempoh	a)	Perintah Kawalan Pergerakan	18 Mac 2020 hingga 3 Mei 2020	b)	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat	4 Mei 2020 hingga 12 Mei 2020
Bil.	Perkara	Tempoh									
a)	Perintah Kawalan Pergerakan	18 Mac 2020 hingga 3 Mei 2020									
b)	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat	4 Mei 2020 hingga 12 Mei 2020									
2.	Adakah pejabat dan kaunter LHDNM akan beroperasi dalam tempoh PKP?	<p>Sila rujuk Kenyataan Media LHDNM berkaitan perkhidmatan yang disediakan untuk kemudahan pelanggan sepanjang tempoh PKP seperti berikut:</p> <p>a) 17 Mac 2020: http://lampiran2.hasil.gov.my/pdf/pdfam/Media_LHDNM_1703_2020_SEMUA_PREMIS_LHDNM_DITUTUP_DARI_18MAC2020_HINGGA_31MAC2020.pdf</p> <p>b) 24 Mac 2020: http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/Kenyataan_Media_LHDNM_24_Mac_2020_PERKHIDMATAN_LHDNM_DALAM_TEMP OH_PERINTAH_KAWALAN_PERGERAKAN.pdf</p> <p>c) 27 Mac 2020: http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/KM_27032020_SEMUA_PREMIS_LHDNM_DITUTUP_SEHINGGA_PERINTAH_KAWALAN_PERGERAKAN_TAMAT_1.pdf</p> <p>d) 29 Mac 2020: http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/KM_29032020_HASILCARELINE_AKAN_BEROPERASI_SEMULA_MULAI_30MAC2020_BAGI_MENJAWAB_PERTANYAAN_BERKAITAN_BANTUAN_PRIHATIN_NASIONAL_1.pdf</p>									

- e) 2 April 2020:
<http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/Media LHDNM 0204 2020 PEMBUKAAN KAUNTER DUTI SETEM DI PEJABAT SETEM CAWANGAN LHDNM MULAI 3 APRIL 2020.pdf>
- f) 13 April 2020:
<http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/KenyataanMediaLHDNM 13042020 LANJUTAN TEMPOH PENUTUPAN PREMIS LHDNM.pdf>
- g) 22 April 2020:
<http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/KM LHDNM 220420 20 PREMIS LHDNM BEROPERASI SEMULA MULAI 23 APRIL 2020 DENGAN PERKHIDMATAN YANG TERHAD SEHINGGA PKP FASA 3 TAMAT.pdf>
- h) 27 April 2020:
<http://lampiran2.hasil.gov.my/pdf/pdfam/KM LHDNM 270420 20 WAKTU OPERASI HASIL CARE LINE LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA SEPANJANG BULAN RAMADAN 2020 1441H.pdf>
- i) 28 April 2020:
<http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/KM LHDNM 280420 20 Perkhidmatan LHDNM Tempoh PKP.pdf>
- j) 7 Mei 2020:
<http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/KenyataanMedia LHDNM 07052020 WAKTU OPERASI DS PKPB 1.pdf>
- k) 14 Mei 2020:
<http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/KM LHDNM 140520 20 PERUBAHAN WAKTU OPERASI DS PB.pdf>
- l) 15 Mei 2020:
<http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/KM LHDNM 150520 20 WAKTU OPERASI HCL MULAI 17 MEI 2020.pdf>

Jika terdapat sebarang pertanyaan berkaitan percukaian, pembayar cukai boleh menggunakan Borang Maklum Balas di Portal Rasmi LHDNM di pautan:

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY>

3. Apakah perkhidmatan yang ditawarkan oleh LHDNM dalam tempoh PKP?

Bagi memudahkan urusan percukaian dalam tempoh PKP ini, LHDNM menyediakan perkhidmatan seperti berikut:

Bil.	Perkhidmatan	Waktu Operasi / Kaedah
i.	Kaunter Khidmat Pelanggan	8.00 pagi – 4.00 petang (berdasarkan hari bekerja di setiap negeri)
ii.	Kaunter Bantuan Prihatin Nasional (BPN) & Kaunter Geran Khas Prihatin (GKP)	8.00 pagi – 4.00 petang (berdasarkan hari bekerja di setiap negeri)
iii.	Kaunter Duti Setem di Pejabat Setem Cawangan	8.00 pagi – 3.00 petang (berdasarkan hari bekerja di setiap negeri)
iv.	Kaunter Duti Setem di Pusat Khidmat Hasil (bagi negeri yang menguatkuasakan PKP Bersyarat)	8.00 pagi – 1.00 petang 1.30 petang – 3.00 petang (berdasarkan hari bekerja di setiap negeri)
v.	Kaunter Pusat Bayaran LHDNM (Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching)	8.00 pagi – 3.00 petang (Isnin hingga Jumaat)
vi.	ezHASiL	24 jam
vii.	Panggilan telefon	a) Hasil Care Line: 9.00 pagi – 5.00 petang (Isnin hingga Jumaat) b) Pejabat LHDNM: 9.00 pagi – 4.30 petang (berdasarkan hari bekerja di setiap negeri)

Perkhidmatan kaunter berikut TIDAK DISEDIAKAN di Cawangan LHDNM dalam tempoh PKP:

- i. Kaunter e-Filing
- ii. Kaunter Bantuan Sara Hidup (BSH)

4.	Adakah lanjutan masa akan diberikan jika pembayar cukai perlu mengemukakan dokumen dalam tempoh 18 Mac 2020 hingga 15 Mei 2020 bagi kes sedang diaudit / disiasat?	Lanjutan masa akan diberikan sehingga 31 Mei 2020.
5.	Adakah lanjutan masa akan diberikan jika pembayar cukai dikehendaki mengemukakan maklum balas kepada surat LHDNM dalam tempoh 18 Mac 2020 hingga 15 Mei 2020?	Lanjutan masa akan diberikan sehingga 31 Mei 2020.

B. ezHASiL

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Bagaimana untuk membuat permohonan no. pin e-Filing?	<p>Pembayar cukai boleh membuat permohonan melalui:</p> <p>a) Borang Maklum Balas di Portal Rasmi LHDNM di pautan: https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY</p> <p>ATAU</p> <p>b) Panduan Pengguna di pautan: https://ez.hasil.gov.my/CI/Bantuan_Anon.aspx</p>
2.	Bagaimana untuk mendaftar nombor cukai pendapatan?	<p>Pendaftaran nombor cukai pendapatan dalam talian boleh dibuat melalui aplikasi e-Daftar. http://edaftar.hasil.gov.my/index.php</p>
3.	Jika terlupa kata laluan e-Filing, apa perlu saya buat?	<p>a) Pembayar cukai yang mempunyai alamat e-mel berdaftar atau nombor telefon bimbit berdaftar dengan LHDNM:</p> <ul style="list-style-type: none"> Klik set semula kata laluan melalui menu 'Terlupa Kata Laluan' di ezHASiL. <p>b) Pembayar cukai yang tiada alamat e-mel dan nombor telefon bimbit berdaftar; atau terdapat perubahan pada alamat e-mel berdaftar dan juga nombor telefon bimbit berdaftar:-</p> <ul style="list-style-type: none"> Kemas kini maklumat melalui Borang Maklum Balas di Portal Rasmi LHDNM di pautan:

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY>

C. BORANG

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Adakah LHDNM akan memberikan tambahan masa bagi pengemukaan borang nyata secara manual atau e-Filing?	Tambahan masa diberikan seperti Program Memfail Borang Nyata bagi Tahun 2020 (Pindaan 3/2020). http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2020 Pin.3 1.pdf
2.	Adakah tambahan masa diberi bagi pengemukaan Penyata Bayaran Insentif Berbentuk Wang Tunai Dan Bukan Wang Tunai Kepada Ejen, Pengedar atau Pengagih (Borang CP58) di mana tarikh akhir jatuh dalam tempoh PKP?	Lanjutan masa diberikan sehingga 31 Mei 2020.
3.	Adakah lanjutan masa diberi bagi pengemukaan Notis Rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) [Borang Q] di mana tarikh akhir jatuh dalam tempoh PKP?	Lanjutan masa diberikan sehingga 31 Mei 2020. Walau bagaimanapun bagi mematuhi peruntukan seksyen 100 ACP 1967, pembayar cukai perlu mengisi Borang N dengan menyatakan alasan kelewatan iaitu disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan.
4.	Adakah LHDNM akan memberikan tambahan masa bagi pengemukaan <i>Country-by-Country Reporting</i> (CbCR)?	a) Entiti di Malaysia yang bertanggungjawab memfailkan laporan CbCR diberikan lanjutan masa seperti berikut:- i. Laporan CbCR yang perlu dikemukakan pada 31 Mac 2020: Lanjutan masa sehingga 15 Mei 2020. ii. Laporan CbCR yang perlu dikemukakan pada 30 April 2020: Lanjutan masa sehingga 31 Mei 2020. b) Entiti konstituen di Malaysia yang bertanggungjawab memfailkan pemberitahuan atau notifikasi CbCR diberikan lanjutan masa seperti berikut:- i. Notifikasi CbCR yang perlu dikemukakan pada 31 Mac 2020: Lanjutan masa sehingga 31 Mei 2020. ii. Notifikasi CbCR yang perlu dikemukakan pada 30 April 2020: Lanjutan masa sehingga 31 Mei 2020.

5.	Apakah alternatif lain jika e-Residence tidak dapat digunakan kerana perlu menyertakan dokumen sokongan?	<p>Permohonan boleh dikemukakan melalui kaedah berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kaunter Khidmat Pelanggan; atau ii. e-mel kepada lhdn_int@hasil.gov.my <p>Maklumat lanjut boleh diperolehi di pautan berikut:</p> <p>http://www.hasil.gov.my/bt_goindex.php?bt_kump=5&bt_skum=6&bt_posi=6&bt_unit=1&bt_sequ=1</p>
6.	Bagaimana untuk mengemukakan Borang CP21, CP22, CP22A atau CP22B dalam tempoh PKP?	<p>Borang boleh dikemukakan melalui kaedah berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kaunter Khidmat Pelanggan; atau ii. e-mel kepada Pegawai Perhubungan Awam Cawangan LHDNM yang berkaitan seperti senarai di pautan berikut: <p>http://www.hasil.gov.my/bt_goindex.php?bt_kump=2&bt_skum=5&bt_posi=1&bt_unit=3&bt_sequ=1</p>
7.	Bagaimana permohonan surat penyelesaian cukai (SPC) boleh dibuat dalam tempoh PKP?	<p>Permohonan boleh dikemukakan melalui kaedah berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. e-SPC; ii. Kaunter Khidmat Pelanggan; atau iii. e-mel kepada Pegawai Perhubungan Awam Cawangan LHDNM yang berkaitan seperti senarai di pautan berikut: <p>http://www.hasil.gov.my/bt_goindex.php?bt_kump=2&bt_skum=5&bt_posi=1&bt_unit=3&bt_sequ=1</p> <p>Pemprosesan permohonan SPC akan dibuat selepas dokumen dan maklumat yang lengkap diterima.</p>
8.	Adakah tambahan masa diberikan kepada entiti Labuan bagi mengemukakan borang pemilihan yang tidak boleh dibatalkan untuk dikenakan cukai di bawah ACP 1967 (Borang LE3) di mana tarikh akhir pengemukaan adalah dalam tempoh PKP?	<p>Contoh 1: Tempoh perakaunan / tempoh asas bagi entiti Labuan adalah 01/01/2020 – 31/12/2020. Tarikh akhir penghantaran Borang LE3 bagi Tahun Taksiran 2021 (Tahun Taksiran 2020 di bawah ACP 1967) adalah pada 31/03/2020.</p> <p>Contoh 2: Tempoh perakaunan / tempoh asas bagi entiti Labuan adalah 01/02/2020 – 31/01/2021. Tarikh akhir penghantaran Borang LE3 bagi Tahun Taksiran 2022 (Tahun Taksiran 2021 di bawah ACP 1967) adalah pada 30/04/2020.</p> <p>Sekiranya tarikh akhir pengemukaan jatuh dalam tempoh PKP, tambahan masa mengemukakan Borang LE3 bagi Tahun Taksiran 2021 dan Tahun Taksiran 2022 diberikan sehingga 31 Mei 2020.</p>

9.	Adakah tambahan masa akan diberikan jika pembayar cukai perlu mengemukakan Borang CP204B dalam tempoh PKP?	Tambahan masa untuk mengemukakan pemberitahuan pertukaran tempoh perakaunan (Borang CP204B) akan diberikan sehingga 31 Mei 2020.
10.	Adakah LHDNM akan memberikan tambahan masa bagi penghantaran Borang Permohonan Untuk Projek Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Diluluskan di bawah seksyen 34A ACP 1967 (Borang 1)?	<p>Tarikh akhir penghantaran Borang 1 yang lengkap (Projek Baharu / Projek Tambahan) yang berakhir pada 31 Mac 2020: Lanjutan masa diberikan sehingga 30 Jun 2020.</p> <p>Tarikh akhir penghantaran Borang 1 yang lengkap (Projek Baharu/Projek Tambahan) yang berakhir pada 30 April 2020: Lanjutan masa diberikan sehingga 30 Jun 2020.</p>

D. BAYARAN

Bil.	Soalan	Maklum Balas
Anggaran Cukai Pendapatan (CP204)		
1.	Adakah semua jenis pengemukaan borang yang melibatkan anggaran cukai dalam tempoh PKP diberi lanjutan masa?	Lanjutan masa diberikan sehingga 31 Mei 2020.
2.	Adakah lanjutan masa diberikan bagi bayaran CP204 yang sepatutnya dibayar pada 15 April 2020 dan 15 Mei 2020?	Lanjutan masa diberikan sehingga 31 Mei 2020.
3.	Bilakah tarikh akhir pengemukaan pindaan dalam bulan ketiga ansuran yang jatuh dalam tahun 2020?	Tarikh akhir pengemukaan pindaan pada bulan ketiga ansuran yang jatuh dalam tahun 2020 adalah berdasarkan tempoh asas syarikat. Bagi pindaan dalam bulan ketiga ansuran yang jatuh dalam bulan April 2020, lanjutan masa diberikan sehingga 31 Mei 2020.
4.	Siapakah yang layak untuk mendapat penangguhan bayaran CP204 selama 3 bulan mulai April 2020 hingga Jun 2020?	Semua jenis perniagaan yang berstatus Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

5.	Siapakah yang layak untuk mendapat penangguhan bayaran CP204 selama 9 bulan mulai April 2020 hingga Disember 2020?	Semua syarikat yang berkaitan dengan industri pelancongan (termasuk yang berstatus PKS).
6.	Apakah kriteria perniagaan yang layak untuk mendapat status PKS?	Kriteria perniagaan yang layak untuk mendapat status PKS adalah seperti berikut: i. Mempunyai modal berbayar kurang atau sama dengan RM2.5 juta bagi saham biasa pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran; dan ii. Mempunyai pendapatan kasar perniagaan RM50 juta dan ke bawah.
7.	Apakah sumber data yang akan digunakan oleh LHDNM bagi menentukan kelayakan penangguhan bayaran anggaran cukai bagi PKS?	Sumber data yang akan digunakan bagi menentukan kelayakan penangguhan bayaran anggaran cukai bagi PKS adalah berdasarkan BNCP Tahun Taksiran 2018 yang diterima oleh LHDNM.
8.	Adakah syarat tambahan lain seperti syarat perenggan 2B dan 2C, Jadual 1, ACP 1967 perlu dipatuhi oleh perniagaan untuk layak mendapat status PKS?	Tidak. Bagi tujuan penangguhan bayaran ansuran ini, perniagaan hanya perlu memenuhi kriteria perniagaan yang dinyatakan seperti di soalan D6.
9.	Adakah PKS perlu membuat permohonan penangguhan CP204?	Tidak. Penangguhan bayaran CP204 akan diberi secara automatik kepada semua PKS seperti yang terdapat dalam rekod LHDNM.
10.	Sebelum ini telah dimaklumkan bahawa pembayar cukai yang berkaitan dengan industri pelancongan perlu membuat permohonan penangguhan bayaran CP204 secara manual. Adakah prosedur ini masih lagi terpakai?	Tidak. Penangguhan bayaran CP204 kepada semua pembayar cukai yang berkaitan dengan industri pelancongan yang mempunyai rekod dengan LHDNM akan diberi secara automatik.
Anggaran Cukai Pendapatan Selain Syarikat (CP500)		
11.	Adakah bayaran CP500 boleh ditangguhkan?	Ya. Boleh ditangguhkan mulai April 2020 hingga Jun 2020. Bulan yang layak mendapat penangguhan ialah bulan Mac 2020 dan Mei 2020.

12.	Adakah pembayar cukai dibenarkan untuk membuat pindaan CP500?	Ya. Pembayar cukai masih dibenarkan untuk membuat pindaan CP500 sebelum atau pada 30 Jun 2020.
13.	Adakah semua PKS layak mendapat penangguhan bayaran CP500?	Ya.
14.	Adakah pembayar cukai di bawah kategori PKS perlu membuat permohonan penangguhan bayaran CP500 kepada LHDNM?	Tidak. Penangguhan bayaran anggaran cukai CP500 akan diberi secara automatik kepada semua pembayar cukai yang layak dan mempunyai rekod bayaran dengan LHDNM.
Bayaran Cukai Pendapatan - Umum		
15.	Adakah kenaikan cukai dikenakan sekiranya bayaran cukai (semua jenis bayaran cukai pendapatan) yang sepatutnya dibayar dalam tempoh PKP lewat dibayar?	Kenaikan cukai tidak akan dikenakan sekiranya bayaran dibuat sebelum atau pada 31 Mei 2020.
16.	Bilakah bayaran penangguhan CP204 / CP500 ini sepatutnya dijelaskan?	Pembayar cukai tidak perlu menjelaskan penangguhan ansuran ini. Baki cukai (jika ada) perlu dijelaskan apabila borang nyata cukai pendapatan dikemukakan.
17.	Adakah penangguhan bayaran CP204 / CP500 boleh dikenakan kenaikan cukai di bawah seksyen 107C(9) / 107B(3) ACP 1967?	Tidak. Penangguhan bayaran CP204 / CP500 kepada syarikat / perniagaan yang layak di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) ini tidak akan dikenakan kenaikan cukai di bawah 107C(9) / 107B(3) ACP 1967.
18.	Adakah pembayar cukai boleh memilih untuk menolak penangguhan bayaran anggaran cukai secara automatik ini dan meneruskan bayaran seperti jadual bayaran asal? Sekiranya ya, adakah pembayar cukai perlu memaklumkan kepada pihak LHDNM?	Ya. Pembayar cukai boleh menolak dan meneruskan bayaran anggaran cukai seperti biasa berdasarkan jadual bayaran asal tanpa perlu memaklumkan pihak LHDNM.

19.	Adakah pihak LHDNM akan mengeluarkan pemakluman kepada pembayar cukai yang layak mendapat penangguhan bayaran anggaran cukai ini?	Ya. LHDNM akan memaklumkan pembayar cukai yang layak penangguhan bayaran anggaran cukai melalui e-mel berdaftar dengan LHDNM dalam masa terdekat. Sekiranya pembayar cukai layak penangguhan berdasarkan kriteria seperti dalam jawapan No. 6 (Bahagian D) di atas tetapi masih belum menerima e-mel tersebut, pembayar cukai tidak perlu membuat bayaran bagi ansuran yang berkuat kuasa pada 15 April 2020.
20.	Adakah pembayar cukai boleh membuat rayuan sekiranya syarikat mendapati layak mendapat penangguhan bayaran anggaran cukai ini berdasarkan status terkini syarikat?	Ya. Pembayar cukai boleh membuat rayuan melalui surat / e-mel ke Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat Percukaian. E-mel pemakluman akan dikeluarkan sekiranya rayuan diluluskan.
21.	Adakah tambahan masa diberikan bagi pengemukaan borang nyata dan bayaran cukai entiti Labuan dalam tempoh ini?	Tambahan masa diberikan sehingga 31 Mei 2020.
22.	Bagaimana untuk membuat transaksi bayaran yang melebihi had dibenarkan oleh perbankan internet?	<p>Pembayaran cukai yang melebihi had dibenarkan bagi bayaran secara dalam talian boleh dilakukan seperti berikut:</p> <p>a) ByrHasil di Portal Rasmi LHDNM atau perbankan dalam talian (bayaran secara berperingkat).</p> <p>b) pindahan telegrafik di bank dan seterusnya mengemukakan maklumat lengkap bayaran kepada LHDNM menerusi e-mel kepada HelpTTpayment@hasil.gov.my atau faks ke nombor 03-62019637.</p> <p>c) bayaran menggunakan cek di kaunter bank atau menggunakan mesin deposit cek yang disediakan oleh bank.</p> <p>d) bayaran menggunakan cek di Pusat Bayaran LHDNM atau menghantar menerusi perkhidmatan pos atau kurier.</p>
23.	Bagaimana untuk membuat bayaran cukai pegangan dalam tempoh PKP?	<p>Bayaran cukai pegangan yang tarikh akhirnya dalam tempoh PKP boleh dibayar mulai 13 Mei 2020 sehingga 31 Mei 2020.</p> <p>Bayaran boleh dilakukan melalui pindahan telegrafik dengan mengemukakan maklumat lengkap bayaran kepada LHDNM melalui faksimili ke nombor 03-62019637 atau e-mel kepada HelpTTpayment@hasil.gov.my</p>

24.	Adakah penalti dikenakan ke atas cukai pegangan yang sepatutnya dibayar dalam tempoh PKP?	Bayaran cukai pegangan yang tarikh akhirnya dalam tempoh PKP boleh dibayar mulai 13 Mei 2020 sehingga 31 Mei 2020. Penalti tidak akan dikenakan atas kelewatan bayaran dalam tempoh tersebut.
25.	Adakah lanjutan masa diberikan untuk mengemukakan data dan bayaran PCB / CP38 bagi saraan daripada pengajian bulan Mac dan April 2020?	Lanjutan masa diberikan sehingga 31 Mei 2020.
26.	Adakah bayaran kompaun PCB yang sepatutnya dibayar dalam tempoh PKP ditangguhkan?	Bayaran boleh dibuat sebelum 31 Mei 2020.
27.	Adakah LHDNM akan menangguhkan proses bayaran balik cukai?	Bayaran balik akan dibuat seperti biasa. Namun bagi kes yang sedang dalam tindakan audit, pembayar cukai perlu mengemukakan dokumen sokongan yang dikehendaki dalam tempoh PKP terlebih dahulu bagi tujuan bayaran balik.

E. CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (CKHT)

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Adakah lanjutan masa diberi bagi pengemukaan borang dan bayaran cukai CKHT?	Bagi pengemukaan borang dan bayaran cukai CKHT (seksyen 21B dan bayaran atas notis taksiran) yang mana tarikh akhirnya jatuh pada 18 Mac 2020 hingga 31 Mei 2020, maka tarikh akhir pengemukaan borang dan bayaran adalah pada 31 Mei 2020.

F. DUTI SETEM

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Adakah semua kaunter duti setem dibuka dan bagaimana dengan waktu operasi kaunter tersebut?	Kaunter duti setem di Pejabat Setem Cawangan di seluruh Malaysia akan beroperasi mulai 3 April 2020. Kaunter duti setem di Pusat Khidmat Hasil dan UTC Johor kekal ditutup sehingga tempoh PKP tamat.
2.	Adakah surat perjanjian jual beli rumah boleh disetem dalam tempoh ini?	<p>Perjanjian jual beli rumah dikenakan duti sebanyak RM10.00. Surat perjanjian jual beli rumah boleh disetem seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">Pembayar duti boleh membeli setem hasil daripada Pejabat Pos.Lekatkan setem hasil ke atas perjanjian jual beli rumah.Batalkan setem hasil dengan membuat garis palang menggunakan pen hitam dan catat tarikh semasa ke atas setem hasil tersebut. <p>Cara pembatalan setem hasil ini boleh digunakan untuk dokumen yang dikenakan duti tetap di bawah perkara 4, Jadual Pertama Akta Setem 1949 seperti perjanjian jual beli rumah sahaja.</p>
3.	Apa itu Sistem Taksiran dan Pembayaran Duti Setem Secara Dalam Talian?	Sistem Taksiran dan Pembayaran Duti Setem Secara Dalam Talian (STAMPS) adalah sistem yang membolehkan permohonan taksiran dan bayaran duti setem ke atas dokumen atau perjanjian dibuat secara dalam talian.
4.	Siapakah yang boleh menggunakan STAMPS?	Semua firma guaman, syarikat, perkongsian, perniagaan, institusi kewangan atau ejen yang sah berdaftar dengan mana-mana pendaftar syarikat di Malaysia.
5.	Bolehkah individu menggunakan STAMPS?	Individu boleh menggunakan STAMPS sekiranya mempunyai perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
6.	Bagaimana jika individu yang tiada perniagaan berdaftar dengan SSM boleh membuat penyeteman dokumen dalam tempoh PKP?	Penyeteman boleh dilakukan di Pejabat Setem Cawangan di seluruh negara yang akan beroperasi sepenuhnya mulai 29 April 2020. Walau bagaimanapun, penalti tidak akan dikenakan ke atas semua dokumen yang sepatutnya disetamkan antara 18 Mac 2020 sehingga 30 Mei 2020.

7.	Bagaimana orang selain individu atau orang awam boleh membuat penyeteman?	Pelanggan boleh membuat penyeteman seperti berikut: i. Kaunter Duti Setem di Pejabat Setem Cawangan; atau ii. dalam talian melalui STAMPS di https://stamps.hasil.gov.my Ejen atau wakil yang mempunyai ID pengguna STAMPS diwajibkan untuk mengemukakan permohonan penyeteman dan membuat pembayaran secara dalam talian.
8.	Bagaimana semakan pengesahan Sijil Setem boleh dibuat?	Semakan boleh dibuat melalui: a) https://stamps.hasil.gov.my/stamps/ ATAU b) aplikasi telefon mudah alih Muat turun Aplikasi Semakan Ketulenan Sijil (ANDROID / iOS)
9.	Bagaimana untuk membuat pembayaran secara dalam talian?	i. Bayaran dalam talian boleh dibuat oleh pengguna STAMPS melalui medium FPX, CIMB Bizz Channel atau Public Bank bagi kes yang telah berstatus sedia untuk bayaran duti. ii. Cetak sijil setem setelah pembayaran berjaya dilaksanakan. iii. Lekatkan sijil setem di atas dokumen perjanjian sebagai bukti duti setem telah dibayar.
10.	Adakah saya akan dikenakan penalti sekiranya lewat membuat bayaran?	Sekiranya tarikh akhir bayaran notis taksiran duti setem jatuh dalam tempoh PKP, bayaran masih boleh dibuat sehingga 31 Mei 2020. Penalti tidak akan dikenakan atas kelewatan bayaran.

G. SUMBANGAN / DERMA

Bil.	Soalan	Maklum Balas
Umum		
1.	Adakah derma kepada Tabung COVID-19 dibenarkan sebagai potongan cukai?	Ya. Sila rujuk Kenyataan Media LHDNM bertarikh 26 Mac 2020 di pautan berikut: http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/Media_LHDNM_26032020_INSENTIF_POTONGAN_CUKAI_BAGI_SUMBANGAN KEPADA TABUNG COVID19.pdf
Sumbangan / derma di bawah perenggan 34(6)(h) ACP 1967		
2.	Apakah bentuk sumbangan yang dibenarkan di bawah perenggan 34(6)(h) ACP 1967	Sumbangan tunai dan barangan. Sila rujuk garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia di pautan berikut: https://www.mof.gov.my/pdf/cukai/prosedur-pengecualian/garis-panduan/permohonan-potongan-cukai-pendapatan-bagi-projek-komuniti-amal-untuk-menangani-wabak-covid-19.pdf
3.	Ke manakah sumbangan di bawah perenggan 34(6)(h) ACP 1967 boleh disalurkan?	Sumbangan boleh disalurkan ke Tabung COVID-19 yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
4.	Siapakah yang boleh memberi sumbangan / derma di bawah perenggan 34(6)(h) ACP 1967?	Penyumbang yang mempunyai pendapatan perniagaan layak mendapat tolakan daripada pendapatan kasar perniagaannya bagi sumbangan yang dibuat.
5.	Apakah dokumen sokongan yang diperlukan untuk membuat tuntutan pelepasan dan potongan cukai bagi sumbangan tunai di bawah perenggan 34(6)(h) ACP 1967?	<ul style="list-style-type: none"> i. Resit Rasmi Kerajaan (Kew. 38); ii. Slip pindahan wang melalui ATM; iii. Slip mesin deposit cek; iv. Slip deposit melalui kaunter bank; v. Slip pembayaran atas talian; vi. Slip pindahan melalui Interbank Giro (IBG Transfer); vii. Resit Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities (RENTAS) System; atau viii. Resit pindahan telegrafik bersama <i>advice of credit</i>.
6.	Apakah dokumen sokongan yang diperlukan untuk membuat tuntutan pelepasan dan potongan cukai bagi sumbangan peralatan / barangan di bawah perenggan 34(6)(h) ACP 1967?	<ul style="list-style-type: none"> i. Surat kelulusan asal oleh Kementerian Kewangan Malaysia; ii. Resit rasmi atau surat akuterima sumbangan daripada badan penerima; atau iii. Surat pengesahan nilai perkhidmatan / nilai kos projek daripada agensi Kerajaan berkaitan.

7.	Apakah bentuk barangan yang boleh disumbangkan?	Sumbangan yang layak: i. Peralatan seperti ventilator, katil pesakit dan penghawa dingin. ii. Bahan guna habis seperti penutup hidung dan mulut, <i>hand sanitiser</i> , sarung tangan, kit ujian dan alat pelindung diri (PPE), iii. Perkhidmatan seperti kos pembasmian kuman dan sanitasi (jalan raya, bangunan, pasar, tempat ibadat dan lain-lain), kos penyediaan tandas bergerak, kos penghantaran bekalan; atau iv. Pembiayaan seperti penyediaan infrastruktur bersifat kekal atau sementara (contohnya: khemah, marquee tent bagi menempatkan katil tambahan).
8.	Kepada siapa prosedur permohonan boleh dikemukakan?	Permohonan yang lengkap boleh dikemukakan kepada: Setiausaha Bahagian Cukai Tingkat 6, Blok Tengah, Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62592 Putrajaya.
9.	Bilakah potongan cukai yang dibenarkan ini boleh dituntut?	Tuntutan potongan cukai dibenarkan berdasarkan tempoh asas sesuatu tahun taksiran di mana sumbangan dilakukan.
10.	Bolehkah amaun yang sama dibuat tuntutan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967?	Tidak. Satu amaun sumbangan / derma tidak dibenarkan untuk dua tuntutan.
11.	Bilakah tempoh sumbangan bagi COVID-19 dibenarkan?	Mulai Februari 2020 sehingga wabak ini diisytiharkan tamat oleh Kerajaan.
Sumbangan / Derma di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967		
12.	Apakah bentuk sumbangan yang dibenarkan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967?	Sumbangan tunai sahaja.
13.	Ke manakah sumbangan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 boleh disalurkan?	i. Pusat Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Perdana Menteri; atau ii. Institusi atau organisasi atau tabung yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.

14.	Adakah institusi atau organisasi atau tabung yang diluluskan perlu membuat permohonan semula bagi tujuan kutipan sumbangan / derma bagi COVID-19?	Tidak. Institusi atau organisasi atau tabung yang telah diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 adalah layak untuk kutipan sumbangan / derma tersebut.
15.	Di manakah maklumat institusi atau organisasi atau tabung yang diluluskan boleh diperolehi?	Maklumat boleh diperolehi melalui Portal Rasmi LHDNM di pautan berikut: http://www.hasil.gov.my/bt_goindex.php?bt_kump=2&bt_skum=6&bt_posi=1&bt_unit=8&bt_sequ=1
16.	Apakah dokumen sokongan yang diperlukan untuk membuat tuntutan potongan cukai pendapatan?	<p>i. Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Perdana Menteri.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Resit Rasmi Kerajaan (Kew. 38); ▪ Slip pindahan wang melalui ATM; ▪ Slip mesin deposit cek; ▪ Slip deposit melalui kaunter bank; ▪ Slip pembayaran atas talian; ▪ Slip pindahan melalui <i>Interbank Giro (IBG Transfer)</i>; ▪ Resit <i>Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities (RENTAS) System</i>; atau ▪ Resit pindahan telegrafik bersama advice of credit <p>ii. Institusi atau organisasi atau tabung yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Resit rasmi institusi atau organisasi atau tabung yang telah diiktiraf oleh LHDNM.
17.	Berapakah amaun yang dibenarkan untuk potongan cukai?	Kelayakan amaun sumbangan / derma bagi potongan cukai: <p>i. Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Perdana Menteri.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Amaun potongan cukai bersamaan dengan amaun sumbangan/derma tersebut. <p>ii. Institusi atau organisasi atau tabung yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Amaun potongan cukai terhad 10% daripada pendapatan agregat.
18.	Adakah institusi atau organisasi atau tabung dibenarkan menangguhkan penghantaran akaun beraudit semasa tempoh PKP?	Ya. Institusi atau organisasi atau tabung yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 dibenarkan untuk menghantar akaun beraudit pada 30 Jun 2020.

19.	Bolehkah tuntutan potongan cukai dibenarkan sekiranya tiada dokumen sokongan?	Tidak. Setiap tuntutan sumbangan/derma perlu dibuktikan dengan dokumen sokongan yang diiktiraf sahaja.															
20.	Bilakah potongan cukai yang dibenarkan ini boleh dituntut?	Tuntutan potongan cukai dibenarkan mulai Tahun Taksiran 2020.															
21.	Bolehkah majikan memungut sumbangan / derma bagi pihak pekerja dan menyalurkan kutipan kepada agensi yang berkaitan?	<p>Boleh. Majikan boleh membuat kutipan bagi pihak pekerja-pekerja. Maklumat yang diperlukan adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Bukti pembayaran; ii. Jumlah pembayaran; iii. Nombor pendaftaran syarikat / majikan; iv. Nombor cukai pendapatan syarikat / majikan; v. Nama pekerja; vi. Nombor pengenalan pekerja; vii. Nombor cukai pendapatan pekerja; viii. Cawangan LHDNM yang mengendalikan cukai pendapatan pekerja; dan ix. Sumbangan oleh pekerja. <table border="1" data-bbox="639 1039 1428 1173"> <thead> <tr> <th data-bbox="639 1039 715 1104">Bil.</th> <th data-bbox="715 1039 914 1104">Nama Pekerja</th> <th data-bbox="914 1039 1114 1104">No. Pengenalan</th> <th data-bbox="1114 1039 1270 1104">No. Cukai Pendapatan</th> <th data-bbox="1270 1039 1428 1104">Amaun (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="639 1104 715 1137">1.</td> <td data-bbox="715 1104 914 1137"></td> <td data-bbox="914 1104 1114 1137"></td> <td data-bbox="1114 1104 1270 1137"></td> <td data-bbox="1270 1104 1428 1137"></td> </tr> <tr> <td colspan="3" data-bbox="639 1137 1114 1173"></td> <td data-bbox="1114 1137 1270 1173">Jumlah</td> <td data-bbox="1270 1137 1428 1173"></td> </tr> </tbody> </table> <p>Satu edaran teknikal akan disediakan dan dimaklumkan kepada Cawangan LHDNM yang berkaitan.</p> <p>Potongan cukai adalah untuk setiap pekerja dan bukan kepada majikan.</p>	Bil.	Nama Pekerja	No. Pengenalan	No. Cukai Pendapatan	Amaun (RM)	1.								Jumlah	
Bil.	Nama Pekerja	No. Pengenalan	No. Cukai Pendapatan	Amaun (RM)													
1.																	
			Jumlah														
22.	Bilakah tempoh sumbangan bagi COVID-19 dibenarkan?	Mulai Februari 2020 sehingga wabak ini diisytiharkan tamat oleh Kerajaan.															

A. Peruntukan potongan cukai di bawah ACP 1967 ke atas sumbangan yang dilakukan oleh pembayar cukai berkaitan sumbangan COVID-19.

Bil.	Peruntukan	Bentuk Sumbangan	Kelayakan dan Had
1.	<p>Perenggan 34(6)(h) –</p> <p>Sumbangan kepada projek komuniti/amal yang diluluskan oleh Menteri Kewangan Malaysia.</p> <p>Projek mestilah berkaitan '<i>services, public amenities and contributions to a charity or community project pertaining to education, health, housing, conservation or preservation of environment, enhancement of income of the poor, infrastructure, information and communication technology or maintenance of a building designated as a heritage site by the Commissioner of Heritage under the National Heritage Act 2005 [Act 645]</i>'.</p> <p>Kementerian Kewangan Malaysia telah mengiktiraf bahawa inisiatif untuk menangani wabak COVID-19 adalah projek komuniti/ amal yang diluluskan di bawah perenggan 34(6)(h) ACP 1967.</p> <p>Oleh itu, penyumbang yang membuat sumbangan bagi tujuan ini adalah layak memohon potongan cukai daripada pendapatan kasar perniagaan suatu amaun bersamaan dengan amaun sumbangan yang dibuat.</p> <p>Penyumbang perlu mendapatkan nilai sumbangan yang ditentukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia / agensi berkaitan. Permohonan hendaklah dibuat terus kepada Kementerian Kewangan Malaysia.</p>	Tunai atau barangan	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Syarikat dan selain syarikat yang mempunyai pendapatan perniagaan. ✓ Potongan daripada pendapatan kasar perniagaan. ✓ Tiada sekatan had sumbangan. Dalam keadaan syarikat mengalami kerugian, kerugian tersebut boleh dibawa ke hadapan namun terhadap kepada 7 tahun taksiran. ✓ Tidak layak menuntut amaun yang sama di bawah subseksyen 44(6).

	<p>Rujuk garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia: Garis Panduan Khas Permohonan Potongan Cukai Pendapatan Bagi Projek Komuniti/Amal untuk Menangani Wabak COVID-19.</p> <p>Contoh 1: Titan Sdn. Bhd. mempunyai kemahiran untuk membangunkan ruang penyahkuman bergerak. Syarikat ingin melancarkan projek ini dan memasang peralatan di beberapa pasar bagi membolehkan pengunjung pasar disanitasi ketika masuk ke / keluar dari pasar.</p> <p>Syarikat telah memohon daripada Kementerian Kewangan Malaysia untuk kelulusan projek ini. Setelah diluluskan syarikat dibenarkan menuntut amaun yang telah dibelanjakan bagi pemasangan peralatan tersebut dalam pengiraan cukai di bawah peruntukan ini.</p> <p>Contoh 2: Masquarade Sdn. Bhd. telah membuat sumbangan berbentuk PPE, penutup hidung dan mulut serta <i>hand sanitiser</i> untuk kegunaan hospital kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.</p>		
2.	<p>Subseksyen 44(6) –</p> <p>Sumbangan yang dibuat kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan atau organisasi, institusi atau tabung yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN).</p> <p>Tabung yang diperkenalkan bagi membantu menangani wabak COVID-19:</p>	Tunai sahaja	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Syarikat dan selain syarikat. ✓ Potongan daripada pendapatan agregat. ✓ Sumbangan kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan – Tiada Had. ✓ Sumbangan kepada organisasi, institusi atau tabung yang diluluskan – Terhad adalah 10%

	<ul style="list-style-type: none"> Tabung COVID-19 (Pusat Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Perdana Menteri) <p>Contoh 3: Encik Wong menyumbang wang tunai RM1,000 kepada Tabung COVID-19 (Pusat Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Perdana Menteri).</p>		daripada pendapatan agregat.
3.	<p>Subseksyen 44(11C) –</p> <p>Sumbangan kepada projek berkepentingan nasional yang diluluskan oleh Menteri Kewangan</p>	Tunai atau barangan	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Syarikat dan selain syarikat. ✓ Potongan daripada pendapatan agregat. Amaun yang dibenarkan adalah terhadap kepada amaun yang tidak boleh melebihi daripada perbezaan antara 10% pendapatan agregat dengan jumlah potongan di bawah proviso subseksyen 44(6) dan subseksyen 44(11B).

B. Peruntukan lain di bawah ACP 1967 berkaitan peralatan perubatan.

Bil.	Peruntukan	Bentuk Sumbangan	Kelayakan dan Had
1.	<p>Subseksyen 44(10) –</p> <p>Sumbangan tunai atau peralatan perubatan kepada pusat rawatan swasta (kemudahan penjagaan kesihatan) yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.</p> <p>Peralatan perubatan tidak didefinisikan dalam akta. Oleh itu, definisi 'peranti perubatan' adalah merujuk kepada Akta Peranti Perubatan 2012 seperti berikut:</p> <p><i>"is any instrument, apparatus, implement, machine, appliance, implant, in vitro reagent or calibrator,</i></p>	<p>Tunai atau peralatan perubatan</p> <ul style="list-style-type: none"> PPE (termasuk penutup hidung dan mulut serta <i>hand sanitiser</i>) adalah bukan peralatan perubatan. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Terpakai kepada individu sahaja. ✓ Potongan daripada pendapatan agregat. ✓ Had potongan maksimum RM20,000 sahaja.

software, material or other similar or related article:

(a) intended by the manufacturer to be used, alone or in combination, for human beings for one or more of the specific purposes of:

- i) diagnosis, prevention, monitoring, treatment or alleviation of disease;*
- ii) compensation for an injury;*
- iii) investigation, replacement, modification, or support of the anatomy or of a physiological process;*
- iv) supporting or sustaining life;*
- v) control of conception;*
- vi) disinfection of medical devices; or*
- vii) providing information for medical or diagnostic purposes by means of in vitro examination of specimens derived from the human body;*

which does not achieve its primary intended action in or on the human body by pharmacological, immunological or metabolic means, but which may be assisted in its intended function by such means; and

(b) any instrument, apparatus, implement, machine, appliance, implant, in vitro reagent or calibrator, software, material or other similar or related article, to be used in the human body, which the Minister may, after taking into considerations issues of public safety, public health or public risk declare to be a medical device by order published in the Gazette.

Peralatan perubatan tidak didefinisikan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012.

Namun, ia merujuk kepada *“medical equipment is used mainly for providing therapeutic benefits for certain conditions or illnesses. The use of this equipment must be prescribed by a physician, which is designed to serve a medical purpose. It is a long-term and reusable device that can be used in the hospital or at home for patient care”*.

Contoh peralatan perubatan adalah seperti berikut:

- i. *Manual wheelchairs or electric wheelchairs*
- ii. *Hospital beds*
- iii. *Walkers, crutches, canes (or any similar type of mobility assistive equipment)*
- iv. *Traction equipment*
- v. *Pressure mattresses*
- vi. *Insulin pumps*
- vii. *Breast pumps*
- viii. *Nebulizers*
- ix. *Patient Lifts*
- x. *Bili lights and blankets*
- xi. *Kidney machines*
- xii. *Stationary or portable oxygen tanks*
- xiii. *Oxygen Concentrators Ventilators*

Medical consumables pula dirujuk sebagai:

“Medical consumables and equipment includes syringes, needles, sutures, staples, packaging, tubing, catheters, medical gloves, gowns, masks, adhesives and sealants for wound dressing and a whole host of other devices and tools used with a hospital or surgical environment.”

Berdasarkan takrifan dan rujukan di atas, PPE (termasuk penutup hidung dan mulut serta *hand sanitiser*) adalah termasuk di dalam *medical consumables* dan bukan peralatan perubatan.

Contoh 4:

Encik Ahmad menyumbang sebuah mesin hemodialisis kepada Pusat Dialisis Walafiat (pusat rawatan swasta yang diluluskan oleh Menteri) bernilai RM15,000.